



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

”

SABTU
23 Mei 2026



PERKESO laksana Bulan Pemutihan hingga 22 Jun

SHAH ALAM – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melaksanakan Bulan Pemutihan sehingga 22 Jun depan bagi memberi peluang kepada majikan tampil mendaftar dan mencarum pekerja secara sukarela tanpa dikenakan tindakan perundangan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, majikan yang tampil dalam tempoh tersebut akan diberi pengecualian daripada kompaun, pendakwaan dan Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB).

"Peluang ini wajar dimanfaatkan kerana hasil penelitian semasa mendapati kadar ketidakpatuhan dalam kalangan majikan adalah sekitar 26 peratus atau 238,060 majikan.

"Mengikut perangkaan sehingga April lalu, terdapat 915,616 majikan berdaftar dan beroperasi secara aktif, tetapi hanya 74 peratus atau 677,556 majikan yang mencarum pekerja masing-masing," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan rekod Ops Kesan Kebangsaan yang dijalankan setiap tahun menunjukkan kadar pekerja yang tidak dicarum PERKESO masih pada tahap 19 hingga 21 peratus.



Mohammed Azman (kanan) ketika sidang media Bulan Pemutihan PERKESO.

Menurutnya, segelintir majikan didapati masih degil dan culas dalam menyempurnakan hak pekerja meskipun caruman tersebut merupakan potongan berkanun yang diwajibkan mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

"Dalam erti kata lain, daripada lima pekerja yang diperiksa menerusi Ops Kesan, seorang didapati tidak mencarum," ujarnya.

Mengulas mengenai perlindungan pekerja asing, Mohammed Azman berkata, rekod

PERKESO dari tahun 2019 hingga kini mendapati seramai 495,380 tenaga buruh asing mempunyai rekod pendaftaran, namun tiada caruman.

Menurutnya, Selangor merekodkan jumlah tertinggi majikan yang mengajukan pekerja asing tanpa caruman iaitu 37 peratus, diikuti Kuala Lumpur (22 peratus), Johor (10 peratus), Sarawak (enam peratus) dan Pulau Pinang (empat peratus).

"Sektor pembinaan merekodkan jumlah

tertinggi iaitu 21.4 peratus, diikuti pembuatan (20.9 peratus), perkhidmatan lain (12.6 peratus), pertanian, perhutanan dan perikanan (9.1 peratus) serta peruncitan (5.3 peratus)," jelasnya.

Sementara itu, beliau memaklumkan PERKESO akan memberi fokus penguatkuasaan terhadap sektor penjaja dan pekerja gig memandangkan kedua-duanya diwajibkan mencarum di bawah pewartaan kerajaan sebelum ini.